



**PERUTUSAN DATUK BANDAR
MESYUARAT MAJLIS BIL. 11/2023
26 OKTOBER 2023 (11 RABI'UL AKHIR 1445H)**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, syukur kepada Yang Maha Esa kerana dengan izin dan limpah-Nya kita semua dapat bersua dan berkumpul lagi dalam Mesyuarat Majlis pada hari ini. Majlis ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan seluruh kakitangan dan masyarakat kerana telah banyak memberi sokongan, sumbangan idea, pendapat yang bernes dan penyertaan dalam semua aktiviti-aktiviti program yang dianjurkan Majlis. Program kemasyarakatan merupakan aktiviti yang akan merapatkan lagi ikatan jalinan antara Majlis dan masyarakat. Semoga kerjasama dan kolaborasi yang berterusan ini, dapat meningkatkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan Majlis kepada penduduk dan mendatangkan keberhasilan yang berimpak tinggi dan memberi manfaat kepada masyarakat Petaling Jaya.

2. Majlis akan sentiasa menitikberatkan perkhidmatan yang berkualiti dan berintegriti diberikan kepada warga Petaling Jaya sesuai dengan aspirasi dan kehendak penduduk Petaling Jaya. Komitmen yang jitu serta semangat kerja berpasukan merupakan elemen terpenting yang perlu dipraktikkan bagi mencapai iltizam dan hasrat Kerajaan Negeri ke arah kemajuan yang lebih pesat dan makmur terutamanya di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Semangat kerja berpasukan mestilah berada di tahap tertinggi dalam memastikan setiap kerja yang diamanahkan dapat dilaksanakan dengan baik dan penuh integriti. Kerja berpasukan dan saling bantu membantu ini sangat penting dan perlu dilaksanakan di semua peringkat agar kita bersama-sama berganding bahu dalam menghadapi apa jua keadaan selain mengekalkan kesetiaan dan perpaduan di dalam masyarakat saling memahami dan rasa bangga untuk menjadi rakyat di bumi Selangor Darul Ehsan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

3. Hari Integriti Nasional disambut setiap tahun pada 5 November sejak diisytiharkan pada tahun 2005. Untuk makluman semua, sambutan Hari Integriti diraikan di peringkat Majlis bermula tahun 2022 sebagai inisiatif berterusan untuk membudayakan integriti dan memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan setiap lapisan warga kerja MBPJ dan masyarakat Petaling Jaya. Namun hakikatnya, usaha untuk memupuk nilai dan budaya integriti sebagai cara hidup rakyat tidak boleh dilaksanakan secara bermusim atau masa-masa tertentu sahaja. Hal ini kerana peningkatan secara drastik pelbagai

salah laku moral seperti kes rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa di negara kita membuktikan dikalangan rakyat pada ketika ini cukup membimbangkan dan tidak boleh dibiarkan terus merobek sistem moral dan nilai yang sepatutnya menjadi benteng integriti diri.

Sepanjang sambutan hari integriti di peringkat Majlis pada bulan November nanti, pelbagai aktiviti telah dirancang di atas platform Bulan Integriti Nasional. Tema sambutan tahun ini adalah “**Integriti Citra Malaysia Madani**” yang dilihat cukup signifikan untuk dihayati kerana kita perlu menjadikan integriti sebagai panduan dan budaya hidup seluruh warga kerja kerja dan masyarakat Petaling Jaya sejajar dengan gagasan Malaysia Madani yang memperlihatkan kerangka ikhtiar bagi mengembalikan martabat negara melalui teras pembangunan nilai etika dan akhlak masyarakatnya

Rasional dan naratif tema merupakan hala tuju penting bagi memastikan kelestarian pembangunan PBT merangkumi pengukuhan dan kecakupan nilai- nilai integriti dalam diri warga kerja dan masyarakat haruslah dizahirkan dalam tindakan yang sebatи dalam dirinya iaitu melalui akhlak kelakuan adab, sikap, tabiat, personaliti perilaku dan peribadi.

Nilai-nilai integriti jika diamalkan secara konsisten setiap masa akan membentuk masyarakat yang bertamadun teguh lagi utuh peribadinya tidak akan tergugat dengan anasir yang boleh mengugat asas nilai integriti yang menjadi pegangan dalam diri.

Citra atau gambaran masyarakat bertamadun adalah ditampakkan melalui cerminan pengamalan nilai-nilai integriti yang baik dan jelas melalui perlakuan mahupun pemikirannya. Dengan nilai-nilai integriti yang dicitra oleh warga Majlis dan masyarakatnya, maka hasrat pembangunan negara yang mampan dan progresif, pewujudan masyarakat yang sejahtera dan mempunyai keyakinan tinggi serta pemupukan manusiawi yang berperasaan belas ihsan dan hormat-visi Malaysia Madani Akan dapat dicapai dengan jaya dan gemilangnya.

Tuan-Tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian,

4. Majlis komited untuk melaksanakan Pelan Strategik *PJ Smart, Sustainable, Resilient 2030* (PJSSR 2030) secara lebih fokus melalui kaedah *micro planning*. Pembangunan mampan adalah teras utama yang sangat sinonim dan relevan bagi bandar raya Petaling Jaya.

Majlis juga melihat kepentingan mewujudkan *engagement*, hubungan rapat, memperkasakan dan memperluaskan rangkaian kolaborasi dengan semua golongan komuniti. Kedua-dua aspek penting ini membentuk tema bajet tahun 2024. Sehubungan dengan itu, tema Bajet Tahun 2024 adalah '**Komuniti Bahagia, Petaling Jaya Sejahtera'**.

Ke arah itu, 5 teras pembangunan menjadi tunjang utama yang diambil iaitu **Alam Sekitar, Habitat Berdaya Huni, Ekonomi Vibran, Komuniti Mampan** dan **Urustadbir Baik**. Kebahagian yang dinikmati oleh penduduk merupakan elemen utama dalam

menentukan tahap pembangunan sesebuah komuniti. Konsep Komuniti Bahagia menjelaskan strategi merubah sesebuah komuniti berdasarkan pendekatan yang berkaitan dengan aspek pengurusan masalah sosial, peningkatan aktiviti ekonomi bagi memenuhi keperluan hidup, pengurangan isu pengangguran dan penyediaan peluang mobiliti sosial di dalam komuniti.

Majlis bermatlamat untuk menyediakan komuniti dengan keadaan persekitaran yang selamat, merasai kepuasan menyeluruh terhadap keperluan asas bandar yang disediakan dan memaksimumkan peluang mobiliti sosial. Dengan program-program yang telah dicadangkan pada tahun 2024, Majlis berharap dapat membantu penduduk merasa harmoni dan bahagia dalam menjana pendapatan, dapat berkongsi amalan budaya, norma serta nilai yang sama yang seterusnya akan memberi kesan positif ke atas kesejahteraan Petaling Jaya selaras dengan pengiktirafan sebagai Bandar Paling Bahagia 2022 dari Jabatan Perancangan Bandar dan Desa melalui kajian Indeks Kebahagiaan Malaysia 2022.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

5. Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menerima aduan daripada penduduk berkaitan isu pihak kontraktor luar mengenakan caj bayaran untuk penurapan jalan di laluan keluar masuk rumah. Majlis ingin menjelaskan bahawa perkara tersebut melibatkan pihak kontraktor luar dan bukan melibatkan pihak kontraktor lantikan Majlis. Majlis ingin menegaskan bahawa tiada sebarang caj atau bayaran dikenakan kepada pemilik rumah bagi kerja-kerja yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor yang dilantik oleh MBPJ.

Untuk makluman semua, sebelum kerja-kerja penurapan jalan dilaksanakan, satu notis pemakluman akan dikeluarkan oleh Majlis dan akan diedarkan kepada semua penduduk yang terlibat. Perkara ini jelas dinyatakan di dalam notis penurapan jalan yang dikeluarkan oleh Majlis diperkara 3 (3.1) yang menjelaskan ***“Dengan itu, tuan/puan adalah dinasihatkan supaya tidak memberi sebarang bayaran kepada sesiapapun yang mengambil kesempatan ini untuk menawarkan perkhidmatan mereka menurap jalan masuk ke rumah (house entrance) di hadapan rumah kediaman tuan/puan. Untuk makluman jalan masuk ke rumah (house entrance) akan diturap secara percuma oleh Majlis.”***

Namun sekiranya ada pihak yang tidak bertanggungjawab menggunakan nama Majlis untuk meminta sebarang bayaran terhadap kerja-kerja penurapan tersebut, Majlis menasihatkan agar penduduk/pemilik rumah untuk membuat laporan polis serta memaklumkan perkara ini kepada unit aduan MBPJ untuk tindakan selanjutnya.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

6. Majlis Bandaraya Petaling Jaya memandang serius aduan termasuk aduan berkenaan empat (4) syarikat yang telah melakukan kesalahan mengecat petak khas tanpa kebenaran Majlis.

Berdasarkan situasi ini, Majlis telah mengambil tindakan mengeluarkan notis penjelasan mengapa lesen tidak sepatut dibatalkan dengan memberikan tempoh tujuh (7) hari untuk pihak syarikat tersebut mengemukakan maklum balas dan tempoh notis tersebut telah pun tamat pada 29 September 2023 yang lalu. Sepanjang tempoh notis tersebut dikeluarkan, Majlis hanya menerima maklum balas daripada tiga (3) syarikat sahaja manakala satu (1) lagi syarikat tidak mengemukakan sebarang maklum balas kepada Majlis.

Justeru, Majlis telah mengambil tindakan pembatalan lesen kepada syarikat yang tidak mengemukakan maklum balas manakala bagi tiga (3) syarikat lagi, pertimbangan status lesen akan dibuat oleh Pegawai Pelesen MBPJ.

Semua pemilik premis perniagaan yang mempunyai petak khas yang sah dinasihatkan agar tidak mengecat sendiri kotak tempat letak kereta tersebut kerana Majlis mempunyai rekod tentang tempat letak kereta yang sah. Jika didapati bersalah memalsukan kotak tempat letak kereta ini boleh dikenakan tindakan seperti lesen perniagaan dibatalkan.

Bagi mereka yang mengecat lot tempat letak kereta kerana ingin mengelirukan pengguna lain supaya tidak meletakkan kereta di hadapan premis mereka, perkara tersebut turut dianggap kesalahan serius dan tindakan tegas juga boleh dikenakan kepada mereka.

Sehubungan itu, MBPJ menggesa orang awam khasnya kalangan peniaga agar mematuhi peraturan yang ditetapkan serta tidak menyalahgunakan lot tempat letak kereta di premis mereka bagi mengelakkan mereka dikenakan tindakan.

Tuan-Tuan dan puan-puan sekalian,

7. Majlis Bandaraya Petaling Jaya sering menerima aduan baru dan aduan berulang berhubung dengan pemilik rumah kosong dan pemilik lot tanah terbiar yang tidak diselenggara dengan baik oleh pemiliknya. Berdasarkan rekod, pada tahun 2022 sebanyak 320 aduan telah diterima oleh Majlis manakala sehingga September 2023 pula sebanyak 244 aduan telah direkodkan melalui sistem aduan MBPJ.

Keadaan ini boleh menyebabkan dan mengundang kacau ganggu yang boleh memudaratkan penduduk setempat terutama dari segi kesihatan awam serta ancaman keselamatan seperti kehadiran haiwan berbisa dan pemberian jentik-jentik.

Sehubungan dengan itu, Majlis telah menjalankan pelbagai tindakan penguatkuasaan berdasarkan Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Undang-Undang Kecil Mencegah Kekotoran (Majlis Perbandaran Petaling Jaya 1999) bagi mengatasi isu semak samun dan rumah kotor di Petaling Jaya. Majlis turut mengeluarkan notis pembersihan di bawah seksyen 74 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) yang meminta pemilik untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan dalam tempoh notis yang diberikan.

Sekiranya pemilik gagal atau enggan mematuhi notis tersebut, maka tindakan kompaun boleh dikenakan dengan nilai tidak lebih daripada satu ribu ringgit (RM 1,000.00). Dimaklumkan juga, pihak Majlis akan melakukan kerja-kerja pembersihan di tanah tersebut sekiranya tiada tindakan daripada pemilik dan segala caj perkhidmatan akan dibilkan kepada pemilik.

Majlis menggesa kepada pemilik-pemilik rumah kosong dan lot terbiar diminta untuk memastikan kawasan lot mereka sentiasa bersih dan diselenggara dengan baik agar tidak menjadi kacauganggu kepada penduduk setempat. Pemilik juga dinasihatkan untuk membuat semakan berkenaan tunggakan dan melunaskan bil tunggakan sedia ada. Bagi sebarang pertanyaan dan semakan, pemunya lot ataupun orang ramai boleh merujuk Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekutaran, di Tingkat 9 Menara MBPJ.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

8. Pemakluman mengenai Cadangan Pengecualian Duti Hiburan Bagi Aktiviti Pertunjukan Pentas (Bertiket) Bagi Artis Tempatan Dan Live Music/ Live Band (Tidak Bertiket) telah diterima oleh Majlis pada 19 September 2023.

Surat tersebut memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang bersidang pada 1 September 2023 telah menimbangkan dan meluluskan cadangan pengecualian duti hiburan bagi aktiviti pertunjukan pentas (bertiket) bagi artis tempatan dan live music/live band (tidak bertiket) di

Negeri Selangor berkuat kuasa mulai 1 Januari 2024 sehingga 31 Disember 2024. MMKN juga bersetuju agar tidak mengenakan Duti Hiburan bagi aktiviti busking (tidak bertiket) buat masa ini.

Pemakluman cadangan pengemaskinian jadual kadar duti hiburan di Negeri Selangor juga telah diterima oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya daripada Perbendaharaan Negeri Selangor pada 15 September 2023.

Surat tersebut memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang bersidang pada 1 September 2023 telah menimbangkan dan meluluskan cadangan pengemaskinian Jadual Kadar Duti Hiburan sedia ada di Negeri Selangor dengan kenaikan sebanyak RM5.00 berkuat kuasa mulai 1 Januari 2025. Pihak MMKN juga bersetuju agar Perbendaharaan Negeri Selangor menyelaras urusan hebahan dan pemakluman secara meluas serta persediaan awal oleh pihak pengusaha.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

9. Pada 24 Oktober 2023 yang lalu, MBPJ telah dipilih untuk menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Tindakan Denggi Peringkat Negeri Selangor Bil 2/2023. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YB Exco Kesihatan Awam dan Alam Sekitar, Puan Jamaliah Binti Jamaluddin dan telah diurussetiakan oleh Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, SUK Selangor. Ahli mesyuarat ini terdiri daripada Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, semua Pejabat Daerah dan Tanah, semua Pejabat Kesihatan Daerah dan semua Pihak Berkuasa **Tempatan**. Untuk makluman, di dalam mesyuarat ini

akan melaporkan dan membincangkan isu berkaitan pengurusan kawalan dan pencegahan demam denggi seperti status situasi semasa kejadian kes demam denggi, penggunaan peruntukan kewangan yang diberikan oleh pihak SUK.

Selain daripada itu, mesyuarat ini juga turut mengkaji pelbagai kaedah dalam kawalan dan pencegahan denggi seperti kawalan tempat pembiakan menggunakan “drone” dan vaksin dalam kawalan denggi. Dengan penglibatan pelbagai agensi kerajaan dalam kawalan dan pencegahan demam denggi ini diharapkan kejadian kes demam denggi dapat di kawal dan bilangan kes dapat diturunkan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

10. Majlis Bandaraya Petaling Jaya sentiasa komited dalam memberi perkhidmatan terbaik termasuk isu berkenaan kesihatan. Untuk makluman dan tindakan kita semua, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan pada minggu ke 42/2023 adalah sejumlah 108 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 4,344 kes yang dilaporkan.

Keadaan ini meningkat 6 peratus (%) daripada jumlah kes pada minggu sebelumnya iaitu 115 kes. Jumlah lokaliti wabak adalah sebanyak 50 lokaliti iaitu wabak baru 3 lokaliti, wabak terkawal 33 lokaliti, wabak tidak terkawal 7 lokaliti dan *hotspot* 7 lokaliti. Alhamdulillah, tiada kes kematian yang dilaporkan.

Pelbagai usaha kawalan dan pencegahan telah Majlis lakukan bagi menangani kes demam denggi iaitu dengan melakukan semburan kabus bagi menghapuskan nyamuk dewasa, pemusnahan tempat pembiakan nyamuk, pemusnahan larva, gotong-royong, pendidikan kesihatan dan penguatkuasaan turut dilakukan.

Umum mengetahui bahawa Malaysia mempunyai kelembapan yang tinggi dan keadaan itu adalah kondusif kepada pembiakan dan ketahanan populasi vektor, kepantasan proses replikasi virus serta boleh memberi kesan kepada corak hidup nyamuk, seperti masa mengawan dan ‘*oviposition*’. Nyamuk aedes dapat membiak dengan populasi yang banyak dalam masa yang singkat iaitu seminggu sahaja.

Kawasan pembiakan adalah di dalam bekas-bekas air bertakung seperti tayar lama, tin, penapis air, botol, bekas pasu bunga, lubang pokok dan sebagainya. Nyamuk akan bertelur di kawasan air yang bertakung walaupun air itu cuma sedikit.

Majlis percaya pencegahan boleh dilakukan jika setiap masyarakat mempunyai kesedaran yang tinggi seperti melakukan aktiviti gotong royong atau meluangkan sekurang-kurangnya masa 10 minit seminggu untuk mencari dan memusnahkan tempat pembiakan nyamuk, sudah pasti penyakit bawaan aedes akan dapat dikurangkan sekaligus menjaga kebersihan kawasan persekitaran.

Dikesempatan ini, Majlis Bandaraya Petaling Jaya ingin mengucapkan dan merakamkan jutaan terima kasih kepada mantan Datuk Bandar Tuan Mohamad Azhan bin Md Amir dan mantan Timbalan Datuk Bandar, Puan TPr Hajah Sharipah Marhaini Bte Syed Ali yang telah memberi perkhidmatan yang cemerlang sepanjang menerajui MBPJ. Pelbagai anugerah, pencapaian dan kejayaan yang dikecapi dan diraih oleh Majlis sewaktu kedua-dua insan yang berkaliber ini memacu Majlis.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya mendoakan agar Tuan Mohamad Azhan terus cemerlang di organisasi yang baharu dan selamat bersara diucapkan buat Puan Hajah TPr Sharipah Marhaini. Seluruh warga kerja Majlis mendoakan agar Puan diberi perlindungan dan kesihatan yang baik dan berbahagia bersama keluarga tercinta.

Sekian, terima kasih.